

Papan tanda beri nafas baru kepada peniaga

# Food Truck@Labuan kini meriah



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**APAN tanda Food Truck@Labuan bersebelahan dengan Hotel Dorsett dan Dataran Labuan memberi nafas baru kepada peniaga foodtruck di pulau bebas cukai ini yang sekian lama tidak mendapat sambutan.

Peniaganya, Mohd. Illiyein Firdaus Chening, 37, berkata sejak Jumaat lepas setelah viral papan tanda Foodtruck@Labuan di media sosial memberi impak positif kepada peniaga.

“Sebelum wujudnya papan tanda ini, selama lebih 3 tahun peniagaan kami kurang mendapat sambutan dan tidak dikenali ramai.

“Sejak Sabtu, saya dan isteri menerima banyak mesej dan komen di Facebook daripada orang ramai dan mereka bertanya dimana lokasi Foodtruck@Labuan ini dan secara tidak langsung ia menarik orang ramai untuk berkunjung ke sini,” katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Sementara itu, Firdaus berkata semenjak Menteri Wilayah Tan Sri TPr Annuar Musa



'TAK menang tangan' Mohd Illiyein menyediakan juadah untuk pelanggan.



MOHD ILLIYEIN

datang ke Labuan pada 9 Jun lalu banyak perubahan yang telah beliau bawa kepada golongan peniaga seperti pengecualian bayaran lesen dan sebagainya.

“Saya amat bersyukur dan terima kasih kepada menteri kerana memahami keadaan peniaga yang mengalami kesukaran dalam waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dalam membendung wabak Covid-19.

“Kami sebagai peniaga foodtruck juga ucapkan terima kasih

kepada Perbadanan Labuan (PL) kerana telah membina papan tanda Foodtruck@Labuan ini dan sekali gus menjadikan tempat ini suatu tempat yang bakal dikunjungi orang ramai,” katanya.

Menurut Firdaus, foodtrucknya menyediakan pelbagai menu makanan seperti burger, char kaw teow dan air minuman dengan harga berpatutan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) Dr Fary Akmal Osman berkata, penggunaan foodtruck menjadi satu fenomena di bandar-bandar besar dan



PELANGGAN menikmati juadah bersama keluarga.

diterima baik dalam kalangan belia serta usahawan muda kerana kosnya lebih murah berbanding restoran dan dapat mengalakkan industri gastronomi di Labuan.

“PL telah memberikan bantuan bayaran deposit kepada peniaga yang ingin berniaga menggunakan foodtruck di bawah program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) sejak tahun 2016.

“Pembinaan papan tanda Food Truck Labuan telah berjaya disiapkan dan usaha ini diharapkan agar lokasi perniagaan ini menjadi salah satu tarikan

untuk warga Labuan serta pelancong yang datang ke Labuan, katanya.

WK



PAPAN tanda yang dipasang oleh Perbadanan Labuan.